

Headline	Lapor jika gagal dapat pinjaman perumahan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	38	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	179 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,024
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,072



Lapor jika gagal dapat pinjaman perumahan

Kuala Lumpur: Pembeli rumah digalakkan membuat aduan kepada Kementerian Kewangan jika menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pinjaman.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, pihaknya akan memanjangkan aduan terbabit kepada Bank Negara Malaysia (BNM) untuk tindakan selanjutnya.

“Kami akan semak dengan BNM mengapa bank ini dengan sengaja tidak meluluskan pinjaman. Kami mahu semua institusi bank menggalakkan pemberian pinjaman perumahan.

“Saya ingatkan kepada institusi perbankan, jangan halang usaha kerajaan untuk tingkatkan pemilikan rumah dengan tidak memberi pinjaman,” katanya kepada media di majlis pelancaran Kempen Pemilikan Rumah-Ekspo Hartanah Malaysia 2019 (HOC-MAPEX) di sini, semalam.

Menurutnya, kebanyakan



pembeli yang berdepan kesukaran untuk mendapatkan pinjaman adalah kediaman di bawah RM300,000 kerana margin atau keuntungan yang diperoleh daripada pemaju adalah kecil.

Lim berkata, sebanyak 72 pemaju yang menyertai HOC-MAPEX 2019 juga digalakkan memberi diskaun sekurang-kurangnya 10 peratus daripada harga jualan.

“Jika tak kurang 10 peratus, kami akan ambil tindakan, pemaju mesti ku-

rangkan harga rumah 10 peratus kecuali harga kediaman di bawah RM300,000 kerana ia termasuk di bawah harga kawalan. Harga di atas RM300,000, pembeli mesti dapat 10 peratus diskaun,” katanya.

Menurut Statistik Ekonomi Tahunan 2018, subsektor perumahan menjadi antara penyumbang utama dalam sektor pembinaan dengan nilai *output* keseluruhan sektor pembinaan bernilai RM204.4 bilion.